

# BECOMING 我画故我在 LIM TZE PENG

## MENJADI LIM TZE PENG

Lim Tze Peng (l. 1921, Singapura) berada di kedudukan unik dalam sejarah seni Singapura. Beliau terkenal dengan inovasi berterusan dalam genre lukisan dakwat dan kaligrafi, selain kebolehan menerapkan perspektif kontemporer dalam amalan purba dengan mencebur amalan tradisi yang berbeza. Karya seni beliau ialah cerminan aspirasi, perjuangan dan kejayaan negara, membolehkan penonton menjalin ikatan dengan intipati identiti Singapura melalui lensa seni.

*Menjadi Lim Tze Peng* mendalamai evolusi artistik

## DARI DÀPŌ KE XIĀOPō

Diterjemah secara longgar, Dàpō dan Xiāopō masing-masing bermaksud “Dataran Besar” dan “Dataran Kecil”. Kedua-dua perkataan ini merupakan istilah harian yang digunakan oleh masyarakat Cina yang lebih tua untuk merujuk kepada kawasan di sekitar kedua-dua belah Sungai Singapura, merangkumi tempat yang kini dikenali sebagai Outram Park sehingga Kampong Glam.

yang kompleks dan kisah perjalanan hidup seorang artis yang berusia lebih seabad dengan menelusuri landskap, landskap minda dan “landskap hati” beliau. Perjalanan ini terungkap sebagai naratif pertumbuhan yang menarik, berakar umbi dalam suasana Singapura dan dipengaruhi oleh gerakan artistik global.

Pameran ini dibahagikan kepada tiga bahagian, setiap satu berfungsi sebagai jendela kepada kisah kreatif seniman yang rumit dan mencerminkan ruang fizikal dan metafizik yang telah membentuk Lim secara mendalam sebagai lelaki dan seniman.

Lim Tze Peng kerap berkunjung ke kawasan ini untuk mengadakan sesi lukisan luar dengan rakan artisnya, dengan hasrat mengabadikan kekayaan budaya sekeliling menggunakan cat air, cat minyak dan dakwat bercampur warna. Potret Singapura lama yang meriah ialah gambaran masa lalu, membawa penonton menelusuri pemandangan pasar basah dan kopitiam yang sesak, hari perayaan dan gambaran mercu tanda tempatan seperti Masjid Sultan, serta pemandangan panoramik Sungai Singapura.

## DUNIA DI LUAR

Kami terus meneroka trajektori kreatif Lim Tze Peng yang bersilang dengan aktiviti kumpulan seni yang disertai dan pengembalaan beliau di serata Asia Tenggara dan Eropah dari 1960-an hingga 2000-an. Perjalanan ini merupakan tempoh rehat daripada tugasnya sebagai pengetua Sekolah Sin Min (1950–1981), menawarkan masa yang berharga untuk meneroka gaya lukisan baharu dan mengembangkan amalan seni melalui kolaborasi dan pertukaran budaya.

Lim Tze Peng mengakui bahawa pengembalaan awal bersama Kumpulan Seni Sepuluh Lelaki amat memberangsangkan dan meninggalkan impak yang berpanjangan. Setiap perjalanan bagaikan program menyelami budaya di mana pelukis terlibat dalam aktiviti lakaran luar, berinteraksi dengan penduduk kampung daripada kumpulan etnik yang berbeza, bertukar idea dengan komuniti seni tempatan dan menyerap inspirasi kreatif yang ditemui di sekeliling mereka.

## BERPIJAK DI RUANG SENDIRI

Bahagian ketiga ini meneroka semangat Lim Tze Peng untuk mencapai kebebasan dalam ekspresi artistiknya. Ketika mempelajari lebih lanjut tentang pelbagai jenis seni, di samping interaksi dengan rakan artis dan ekspedisi seni luar negara, beliau mula bereksperimen dengan pelbagai teknik dan vernakular visual. Ini membawa kepada penciptaan bahasa dan prinsip seni beliau yang tersendiri. Lim menjelaskan perkara ini dan menulis enam prinsipnya untuk “Lukisan yang Baik,”

yang menekankan estetika, lokaliti, irama dan penglihatan dalam mentafsir kehidupan.

Beliau beralih daripada lukisan perlambangan dan kaligrafi kepada pembikinan karya ekspresif yang menggabungkan kualiti estetik yang berasal daripada pelbagai bentuk seni—termasuk kaligrafi, epigrafi, lukisan dakwat, lukisan minyak dan puisi. Kemuncak percampuran ini ialah kelahiran gaya seni dakwat Lim yang tersendiri.

## EPILOG

Lim Tze Peng membentuk prinsip dan gaya kreatif beliau dengan memberi tumpuan kepada semua gaya, genre, bahan dan perkara secara sama rata tanpa mengenakan sebarang hierarki. Layanan yang sama bagi setiap eksperimen dan pertemuan artistik ini membawa beliau lebih dekat kepada objektif utama: untuk mencari rasa keindahan yang tersendiri.

*Menjadi Lim Tze Peng* menunjukkan bahawa evolusi artistik Lim tidak mengambil jalan tunggal dan linear. Sebaliknya, perjalanan dipenuhi selekah, halangan dan lengongan, mencerminkan trajektori kreatif yang dinamik dan pelbagai rupa yang menyulam kehidupan peribadi dengan karya seni beliau.

## Pameran Arkib 1

Lim sering mengunjungi kawasan Dàpō dan Xiāopō di sekitar Sungai Singapura untuk mengadakan sesi lukisan luar dengan rakan-rakannya. Beliau turut menganjurkan beberapa pameran seni awam terawal di kawasan ini. Dalam bahagian ini, kita dapat melihat kesan peninggalan Lim di persada seni tempatan, serta permulaan awal kisah seni

dakwat yang diceburi dan subjek yang menjadi kegemaran beliau, iaitu kehidupan harian di Singapura.

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua bahan arkib adalah daripada koleksi artis.

## Pameran Arkib 2

Lim ialah ahli dan pengasas bersama Kumpulan Seni Sepuluh Lelaki. Bersama Chen Cheng Mei, Choo Keng Kwang dan Yeh Chi Wei, beliau mengikuti lima ekspedisi seni transformatif di seluruh Malaysia, Indonesia, Thailand dan Kemboja dari 1960 hingga 1970. Perjalanan ini membolehkan mereka membuat lakaran di luar rumah, melibatkan diri dengan penduduk kampung tempatan, bekerjasama dengan komuniti seni

serantau dan menarik inspirasi kreatif daripada persekitaran mereka yang meriah. Di samping menyertai ekspedisi ini, Lim terus mengambil bahagian dalam pengembaraan seni antarabangsa dengan pelbagai kumpulan dan masyarakat seni tempatan, lalu meluaskan ufuk kreatifnya.

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua bahan arkib adalah daripada koleksi artis.

## Pameran Arkib 3

Perpustakaan dan arkib persendirian Lim membolehkan kita menyingkap inspirasi dan proses kreatif beliau yang rencam. Pencarian formula estetik yang meluahkan emosi sejati beliau dan melibatkan ideal keindahan dikongsi untuk tatapan umum, di samping beberapa detik paling membanggakan yang dirakam untuk dijadikan kenangan.

Memo tulisan tangan yang jarang ditemui menyerlahkan kepercayaan Lim bahawa kaligrafi dan lukisan boleh menyampaikan sentimen

peribadi yang tidak dapat ditangkap oleh kata-kata semata. Pendekatan ini mencerminkan gabungan gaya dan media tanpa perbezaan hierarki. Bagi Lim, kaligrafi, epigrafi, lukisan dakwat, lukisan minyak dan puisi saling berkait dan menyediakan ruang untuk meneroka dan mencapai resonans visual dan emosi yang selari dengan visi artistik beliau.

Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua bahan arkib adalah daripada koleksi artis.